

Pulau Pinang digesa luluskan pajakan Jeti Swettenham

Georgetown: Kerajaan negeri pimpinan DAP dilihat bercanggah dalam menangani isu me-naik taraf Jeti Swettenham di sini, yang dikemukakan Suruhan-jaya Pelabuhan Pulau Pinang (PPC) sejak tahun 2008.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata ia susulan kenyataan bercanggah dikemukakan Ketua Menteri, Lim Guan Eng dan Pengurus Pembangunan Pelancongan dan Keba-dayaan negeri, Law Heng Kiang berhubung isu itu.

Beliau berkata, Heng Kiang se-harusnya menggesa Guan Eng se-gera meluluskan permohonan me-

lanjutkan pajakan 99 tahun bagi Lot 4 dan Lot Sempadan 4 di jeti berkenaan, sebelum menudung jari kepada Kerajaan Persekutuan.

Tidak sehaluan

"Saya lihat pentadbiran Kerajaan Pulau Pinang ini diurus dalam keadaan kelam kabut. Heng Kiang dan Ketua Menteri (Guan Eng) tidak sehaluan dan kurang faham situasi sebenar yang berlaku di Jeti Swettenham.

"Mereka sepatutnya bekerjasama bagi memastikan pembangunan jeti itu tidak terencat, sekali gus memastikan isu ini dapat di-selesaikan segera," katanya ketika



Liow Tiong Lai

menghubungi BH di sini, semalam.

Gagal naik taraf

Kelmarin, Pengurus PPC, Datuk Tan Teik Cheng mendakwa keeng-ganan kerajaan DAP Pulau Pinang meluluskan permohonan geran tanah dikemukakan PPC, menjadi punca kegagalan menaik taraf Jeti Swettenham, sekali gus menyebabkan pembesaran jeti pelancongan itu gagal dilakukan.

Terdahulu, Heng Kiang dalam kenyataannya Ahad lalu, meminta Kerajaan Persekutuan menaik taraf jeti berkenaan selepas mendapat kemudahan itu tidak lagi

mampu menampung ketibaan 190 kapal persiaran antarabangsa bersama 200,000 pelancong yang di-jangka tiba tahun ini.

Tiong Lai yang juga Presiden MCA berkata, tindakan kerajaan negeri melengahkan kelulusan pa-jakan kedua-dua lot tanah ber-kenaan bakal menjasikan prestasi industri pelancongan Pulau Pi-nang pada masa depan.

"Kerajaan negeri tidak boleh me-neruskan agenda peribadi mereka hanya sebab tidak sebulu dalam hal politik kerana akhirnya yang rugi adalah rakyat yang terbabit dalam industri pelancongan tem-patan," katanya.